

07 SEP 1997

Umno-Gulung (Mustapa)

KERAJAAN SEDIA PROGRAM LAHIRKAN GOLONGAN MENENGAH BUMIPUTERA BARU

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Kerajaan menetapkan sebahagian ekuiti dalam program penswastaan baru diperuntukkan untuk golongan menengah Bumiputera sebagai langkah melahirkan lebih ramai usahawan golongan itu.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, hari ini berkata langkah itu menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk memajukan Bumiputera dalam pelbagai bidang ekonomi.

"Saya percaya dengan adanya program baru ini, kita dapat saksikan kelahiran beberapa golongan menengah bumiputera yang baru," katanya semasa mengulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno di sini.

Sehubungan itu, katanya satu perjumpaan antara Kementerian Pembangunan Usahawan dan kerajaan negeri dengan semua kementerian, syarikat kerajaan dan agensi kerajaan akan diadakan bagi mendapatkan maklum balas mengenai program golongan menengah Bumiputera yang dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mustapa berkata Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Timbalan Perdana Menteri, mempengerusikan jawatankuasa pelaksanaan program itu manakala beliau bertindak sebagai penyelaras.

Beliau berkata Perbadanan Nasional Berhad (PNB) juga sedang merangka program untuk membangunkan 544 usahawan Bumiputera menerusi 15 syarikat yang ia ada kepentingan dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang.

Selain itu, beberapa syarikat yang kerajaan ada kepentingan seperti Petronas dan Tenaga Nasional Berhad akan melantik 126 vendor bumiputera daripada golongan itu.

Mustapa berkata kerajaan juga memberi perhatian terhadap bidang pembangunan hartanah kerana ia menawarkan banyak peluang penyertaan kepada golongan Bumiputera.

Menurutnya kerajaan-kerajaan negeri seperti Pahang, Johor dan Perak sudah mengambil langkah mewujudkan golongan itu dengan perancangan pembangunan hartanah.

Di Pahang, kerajaan negeri menyediakan 32 lot kawasan perumahan dan 3,200 hektar tanah untuk dibangunkan oleh golongan itu manakala di Perak, kerajaan negeri akan membina kedai desa dalam tempoh lima tahun dengan matlamat mewujudkan 275 unit kedai di seluruh negeri, terutamanya di pusat-pusat pertumbuhan baru yang akan menempatkan peniaga bumiputera dan francais-francais.

Kerajaan negeri Johor pula akan membina satu bandaraya francais bagi menempatkan peniaga dalam sektor itu di ruang-ruang niaga yang disediakan.

Mengenai bantuan untuk usahawan Bumiputera, Mustapa berkata sejak Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) ditubuhkan, ia telah membimbing 315 usahawan dengan nilai bantuan sama ada untuk pemilikan ekuiti atau pinjaman membabitkan RM400 juta.

Ketika ditemui pemberita selepas tamat perhimpunan itu, Mustapa berkata langkah memperuntukan sebahagian ekuiti dalam semua projek penswastaan baru adalah keputusan Kabinet dan peruntukan itu akan diberikan kepada usahawan golongan menengah bumiputera yang dikenalpasti.

Ketika ditanya mengenai peratusan ekuiti yang akan diberikan kepada golongan itu, beliau berkata ia adalah bergantung kepada projek penswastaan berkenaan.

"Bergantung kepada keadaan (projek penswastaan itu) mungkin 30, 40 (peratus), tidak boleh ditetapkan peratusan tertentu kerana dalam program penswastaan biasanya ada satu ketua yang akan mempunyai pegangan majoriti,"

katanya.

Mustapa berkata pada peringkat awal, usahawan golongan menengah ini akan menjadi golongan minoriti projek penswastaan baru.

Beliau berkata Kementerian Pembangunan Usahawan akan mengadakan perbincangan pada Khamis ini dengan kerajaan negeri, syarikat kerajaan dan kementerian berhubung program golongan menengah baru.

-- BERNAMA

HS NAK